

Prestasi positif akhiri dagangan

➔ Belian dana asing turut lonjak FBM KLCI 0.24 mata



Bursa Malaysia berakhir dalam prestasi positif semalam sejajar dengan pasaran saham Asia, kata peniaga.

Pada jam 5 petang, penanda aras FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) pada 1,664.96, naik 0.24 mata daripada 1,664.72 yang dicatat kelmarin.

Semasa pembukaan, penanda aras menokok 0.05 mata kepada 1,664.77 pagi ini, dan turun naik antara 1,663.88 hingga 1,671.07 sepanjang hari.

Saham rugi mengatasi untung pada 397 berbanding 370 manakala 425 kaunter tidak berubah, 516

tidak diniagakan dan 79 yang lain digantung.

Jumlah dagangan meningkat 1.58 bilion unit bernilai RM2.02 bilion berbanding 1.49 bilion unit bernilai RM1.85 bilion kelmarin.

Peniaga berkata, semasa mengakhiri suku ketiga, kegiatan pemerelok akaun berlaku yang akan menyokong pasaran ekuiti.

"Sentimen juga bertambah baik pagi ini setelah selesainya debat pertama calon Presiden AS, yang menyaksikan Hillary Clinton menalahkan Donald Trump.

Seorang lagi peniaga berkata, bursa tempatan naik awal semalam setelah dana asing membeli dalam jumlah yang kecil.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, walaupun kedudukan Malaysia dalam daya saing dunia turun tujuh anak tangga,

pada kedudukan ke-25 daripada 138 ekonomi, negara kekal ekonomi paling kompetitif dalam kalangan negara membangun di Asia.

Di pasaran, Indeks FBM Emas naik 15.89 mata kepada 11,776.38, Indeks FBMT100 meningkat 15.70 mata kepada 11,477.92 manakala Indeks Syariah FBM Emas menokok 4.82 mata kepada 12,414.07.

FBM 70 melonjak 69.68 mata kepada 13,850.90 tetapi FBM Ace susut 69.69 mata kepada 5,229.08.

Mengikut sektor, Indeks Kewangan naik 38.83 mata kepada 14,314.95, Indeks Perladangan menokok 12.42 mata kepada 7,973.86, manakala Indeks Perusahaan merosot 11.61 mata kepada 3,111.59.

Bagi saham wajaran tinggi, Tenaga menambah dua sen kepada RM14.42, Public Bank kekal pada RM19.94, manakala Maybank dan Petronas Chemicals turun tujuh sen dan 10 sen setiap satu, masing-masing kepada RM7.52 dan RM6.60.

Antara saham aktif, Sanichi menambah setengah sen kepada lapan sen, MBSB naik tiga sen kepada

94.5 sen, Hiap Teck menokok satu sen kepada 34 sen, manakala IHH meningkat dua sen kepada RM6.33.

Jumlah dagangan pasaran utama meningkat kepada 1.04 bilion saham bernilai RM1.92 bilion daripada 873.44 juta saham bernilai RM1.75 bilion kelmarin.

Di Pasaran ACE, jumlah dagangan susut kepada 236.26 juta unit bernilai RM38.56 juta daripada 307.61 juta units bernilai RM40.46 juta.

Waran meningkat kepada 303.88 juta saham bernilai RM57.93 juta berbanding 296.57 juta saham bernilai RM57.84 juta kelmarin.

Barangan pengguna menguasai 60.28 juta saham diniagakan di Pasaran Utama, barangan perusahaan (279.45 juta), pembinaan (55.28 juta), dagangan dan perkhidmatan (370.81 juta), teknologi (31.80 juta), infrastruktur (10.63 juta), SPAC (48.79 juta), kewangan (80.14 juta), hotel (321,900), hartanah (77.56 juta), perladangan (19.34 juta), perlombongan (15,000), REIT (6.59 juta) serta tertutup/dana (78,500).

BERNAMA